

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT**  
**[ HULU LANGAT ]**  
**TARIKH : 16 NOVEMBER 2015**  
**SOALAN :**

**YB Dr. Che Rosli bin Che Mat [ Hulu Langat ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan usaha dan bantuan yang diberi dan akan diberi dalam membantu Hospital Kajang mengatasi kekurangan katil dan kemudahan peralatan perubatan dalam menghadapi pesakit yang meningkat termasuk pesakit Denggi.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) amat prihatin dengan masalah yang dihadapi oleh Hospital Kajang dan sentiasa berusaha untuk menambahbaik kemudahan yang disediakan.

Sehingga September bagi tahun 2015, KKM telah menyalurkan peruntukan tambahan kepada Hospital Kajang sebanyak RM2.71 juta bagi perolehan peralatan kegunaan pelbagai jabatan. Daripada jumlah ini sebanyak RM1.2 juta telah dikenalpasti bagi peralatan yang diperlukan bagi pengurusan pesakit denggi termasuk katil dan pelbagai

jenis peralatan perubatan lain yang penting bagi kegunaan rawatan dan penjagaan pesakit denggi.

Selain itu, sebanyak RM1.47 juta telah disalurkan oleh KKM untuk projek naik taraf Wad 5 yang boleh digunakan sekiranya wad utama rawatan denggi penuh. Ia dijangka dapat menampung 20 katil pesakit. Ini akan melancarkan aliran mobilisasi pesakit di Hospital Kajang secara keseluruhan.

Pada masa kini juga, cadangan Projek Pembangunan Semula Hospital Kajang sedang dikaji oleh pihak KKM.